

# Dr M: Umno harus terus memerintah

BH 28 MAY 1984

KUALA LUMPUR, Ahad  
— Presiden Umno, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**, hari ini mengingatkan ahli-ahli Umno supaya menentukan Umno kekal sebagai parti yang memerintah.

"Kita mahu Umno kekal sebagai parti yang memerintah negara," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan tegasnya

mengingatkan ahli-ahli Umno supaya jangan memikirkan pemilihan parti tahun 1987, sebaik sahaja pemilihan tahun ini selesai.

Ini penting kerana pada tahun 1987 rakyat juga mungkin menghadapi pilihanraya umum. "Ketika kita sibuk berkempen, kita akan lupa bahawa kita juga mempunyai tanggungjawab terhadap negara," katanya ketika menggulung perbincangan sebelum Perhimpunan Agung Umno ditangguhkan petang ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat hendaklah bersatupadu dan bertanggungjawab.

"Kita tidak boleh terpesong dari pada matlamat parti," katanya. Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, menegaskan bahawa setiap ahli Umno hendaklah memastikan Umno kekal dengan dasarnya, dan tidak dibawa ke arah yang lain.

"Sebah ituah juga kita perlu meneliti perkembangan kita sendiri bagi memastikan parti kita kuat," tambahnya.

## Sikap angkuh

Dalam Umno, katanya, walaupun ia sebagai sebuah parti yang memerintah tetapi ia tidak boleh bersikap angkuh.

Dalam pilihanraya, Umno bukan sahaja berharap kepada ahli-ahlinya yang membawa kad, tetapi juga ahli-ahli parti lain dalam Barisan Nasional.

Disebabkan Umno inginkan kemenangan, ia tidak seharusnya bersikap angkuh. Beliau memuji sikap

ahli-ahli sepanjang perjalanan perhimpunan agung ini tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini walaupun sebelum ini pelbagai berita angin bertiup.

"Itulah sebabnya saya

katakan bahawa Umno adalah dianggotai oleh orang-orang Melayu yang bertanggungjawab dan menjadi parti yang bertanggungjawab," katanya sambil disambut dengan tepukan gemuruh.

Katanya, pemilihan yang dijalankan juga adalah bijak. Anggota-anggota Umno memilih pemimpin mereka berdasarkan dari beberapa sudut.

## Rasa lega

Beliau berkata, soal pemilihan sekarang bukanlah soal penting lagi. "Kita bukan sahaja mesti merapatkan hubungan kita tetapi hendaklah merapatkan perpaduan kita. Janganlah memikirkan pemilihan 1987 kerana dalam tahun itu juga kita mungkin menghadapi pilihanraya," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga merasa lega atas pengakuan wakil Kelantan bahawa perpaduan Umno di negeri itu begitu padu dalam menghadapi sebarang cabaran masa depan.

Beliau mengakui bahawa pada satu masa beliau merasa ragu-ragu di mana anggota-anggota Umno turut sama dengan sebuah parti lain menentang kerajaan.

"Saya yakin, ini tidak akan berulang lagi sama ada di Kelantan atau di mana-mana sekalipun," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan bahawa pemimpin-pemimpin tertinggi parti akan bersama-sama menyelesaikan sebarang masalah yang akan timbul.